

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMASA MEN-
GEMUKAKAN USUL MERAKAMKAN UCAPAN
TERIMA KASIH ATAS PERKHIDMATAN BEKAS
YANG DI PERTUA DEWAN RAKYAT, YANG
BERBAHAGIA TAN SRI C. M. YUSUF BIN
SHEIKH ABDUL RAHMAN, DI DEWAN RAKYAT
PADA 6HB NOVEMBER, 1974

Tuan Yang Dipertua.

Saya mohon izin mengemukakan usul:

“Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Tuan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Yang Berbahagia Tan Sri Chik Mohamed Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman”.

Tuan Yang Dipertua.

Yang Berbahagia Tan Sri C. M. Yusuf telah dipilih menjadi Yang Dipertua Dewan Rakyat pada 25hb November, 1964, iaitu setelah Dewan ini meluluskan peraturan memilih seorang Speaker yang bukan ahli Dewan Rakyat. Semenjak tarikh itu, beliau memegang jawatan Yang di Pertua Dewan Rakyat terus menerus sehinggalah Parlimen ke-tiga dibubarkan pada 31hb Julai yang lalu. Dengan itu bermaknalah perkhidmatan beliau sebagai Yang di Pertua Dewan Rakyat hampir genap sepuluh tahun dan ini adalah satu tempoh yang agak lama dalam sejarah Parlimen Malaysia.

Sepanjang tempoh beliau menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat iaitu bagi Parlimen kedua dan ketiga, beliau telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan adil dan saksama. Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Parlimen yang lepas tentu masih ingat lagi akan suasana hangat yang timbul semasa perbahasan dan juga semasa soal jawab. Bagaimanapun, suasana hangat itu dapat ditenteramkan berkat kebijaksanaan Tuan Yang Dipertua Dewan Tan Sri C. M. Yusuf, yang menerima penghormatan dan penghargaan kita sekalian hari ini. Begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah masih ingat kepada beberapa peristiwa yang menarik dan penuh jenaka yang menggegarkan Dewan yang mulia ini. Sikap bijaksana dan magnanimity yang ditunjukkan oleh beliau semasa mengendalikan sidang Dewan Rakyat, akan tetap menjadi kenangan kita untuk selama-lamanya.

Sebagai Yang Dipertua Dewan, Y. B. Tan Sri C. M. Yusuf bukan sahaja mempunyai pengalaman yang luas mengenai perjalanan sidang Parlimen, tetapi beliau juga mempunyai sifat-sifat pimpinan yang tinggi. Sesungguhnya Parlimen kedua dan ketiga amatlah bertuah mempunyai seorang Yang Dipertua yang mempunyai pengalaman luas dan pengetahuan tinggi seperti Yang Berbahagia Tan Sri C. M. Yusuf. Beliau mempunyai scholastic background yang sukar ditandingi pada zamannya iaitu lulus daripada University Oxford dan kemudian Inner Temple London. Kelulusan seperti itu jarang benar didapati pada masa itu. Sebelum dipilih menjadi Yang Dipertua Dewan Rakyat, beliau memegang beberapa jawatan penting dalam Kerajaan yang meliputi beberapa bidang. Beliau pernah menjadi Ahli Majlis Hal Ehwal Ugama dan Adat Istiadat Melayu di Perak; Ahli Lembaga Bandaran Kinta; Ahli Lembaga Perumahan Persekutuan dan juga Ahli Lembaga Pemilihan Negeri Perak. Pada zaman sebelum merdeka, beliau pernah menjadi Ahli Majlis Negeri Perak dan Ahli Dewan Undangan Federal yang mana memberikan beliau pengetahuan dan pengalaman yang sangat berguna.

Memandangkan kepada perkhidmatan cemerlang yang telah diberikan oleh Tan Sri C. M. Yusuf kepada Dewan ini, saya dengan sukacitanya mencadangkan supaya Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada beliau dan juga ucapan selamat bersara serta harapan semoga beliau akan terus berjaya dalam apa jua lapangan di masa akan datang.

Tuan Yang Dipertua.

Saya mohon mengemukakan usul ini.